Sejarah (Wong WK) : Latihan Sejarah - Tg. 4 (Bab 3 : Part 1)

Arahan : Isikan tepat kosong dengan perkataan yang tepat.

Timur Tengah	**Orde Baharu Asia**	**Nazisme**	**Kaum Muda**
Archduke Ferdinand	**Pakatan Bertiga**	**Normandy**	**Perang Pasifik**

1. British memperkenalkan "Enakmen Undang-Undang Islam" 1904 untuk

   membendung pengaruh idea gerakan Islam dari _____
   { B3.1--m/s. 52 }

2. Pada 11 November 1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa menyeru orang Islam agar bangkit bersama-sama dengan empayar Uthmaniyah. Perkembangan ini mendapat perhatian penduduk di Tanah Melayu,

   terutamanya _____ melalui akhbar. { B3.1--m/s. 52 }

3. Salah satu faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah permusuhan

   dua pakatan ketenteraan iaitu Kuasa Tengah dan _____
   { B3.2--m/s. 54 }

4. Krisis di rantau Balkan juga menjadi punca Perang Dunia Pertama. Kemuncak krisis rantau Balkan ialah pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary

   iaitu _____ { B3.2--m/s. 54 }

5. *Ideologi* yang berfahaman lampau yang mencetuskan Perang Dunia Kedua

   di Eropah ialah fasisme dan _____ { B3.3--m/s. 58 }

6. Salah satu faktor kejayaan Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua ialah keberkesanan strategi serangan terutama kejayaan operasi pendaratan yang diberikan nama kod " D-Day".
   Dalam operasi tersebut, Tentera Bersekutu mendarat di Perancis,

   iaitu di _____ { B3.3--m/s. 62 }

7. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941 – 1945) juga dikenali sebagai .....

   _____ { B3.4--m/s. 64 }

8. Perang Pasifik berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera di Asia yang menjalankan imperialisme.
   Peluasan kuasa Jepun berkait dengan keperluan perindustrian, pengaruh golongan

   tentera, dan ingin mewujudkan _____ untuk menyingkirkan kuasa imperialis Barat di Asia.
   { B3.4--m/s. 64 }

LIVEWORKSHEETS